

PENGARUH NEGATIF BUDAYA LUAR DI MALAYSIA

Susunan SHAHRIL RIZAL

Punk

PENGIKUT *Punk* dikenali menerusi imej berambut “ala trojan” yang diwarnakan. Mereka suka memakai jaket kulit yang ditampal dengan pelbagai lencana, seluar koyak dan senteng, serta berkasut but lusuh yang mempunyai 20 lubang kecil – membawa maksud keganasan dalam hidup mereka. Mereka juga memakai rantai leher yang dikenali sebagai *Bollocks* – berbentuk loket ibu kunci atau mangga.

Subbudaya ini lahir daripada pengaruh muzik *Punk* pada 1970-an di Britain dan Amerika Syarikat. Muzik *Punk* terbahagi kepada tujuh pecahan iaitu *Punk Rock*, *Punk Oi*, *Nazi Punk*, *Ska Punk*, *Traditional Punk*, *Punk Rules*, dan *Peace Punk*.

Ketika menghadiri konsert, pengikut *Punk* akan menari sejenis tarian yang dikenali sebagai *Pongo*. Dalam tarian ini mereka akan menolak dan menendang sesama sendiri. Mereka juga akan meludah apabila berjumpa rakan sealaran sebagai tanda persahabatan.

Sesetengah pemuzik *Punk* sering membuat aksi yang melampaui batas ketika membuat persembahan. Misalnya mereka akan muntah ke arah penonton, membuang air kecil atau besar di atas pentas, menunjukkan kemaluan, mencarut, memaki hamun, dan tidak kurang juga yang menoreh tubuh mereka dengan pisau cukur bagi melambangkan keganasan dalam hidup mereka.

Di Malaysia, pengaruh *Punk* mula bermaharajalela pada 1980-an. Kebanyakan pengikutnya di negara ini ialah remaja Melayu yang berusia belasan tahun sehingga awal 20-an.



PAKAIAN pengikut *Punk* melambangkan keganasan.


Skinhead

Skinhead bukanlah cabang muzik, tetapi merupakan satu cara hidup (subbudaya) yang lahir di Britain pada 1960-an. Pengikut *Skinhead* dikenali menerusi imej diri mereka yang berkepala botak, memakai kemeja, menunggang motor skuter, memakai seluar senteng, dan berkasut but.

Pengikut *Skinhead* terbahagi kepada beberapa golongan seperti *Traditional Skins*, *Sharp Skins*, *Anarchist Skins*, *Mods Skins*, *Gay Skins*, dan *Nazi Skins*. Pengikut *Nazi Skins* yang memakai tatu lambang *Swastika* digeruni oleh orang ramai kerana keganasan dan penglibatan mereka dalam jenayah. Antara filem yang memaparkan gaya hidup pengikut *Skinhead* ialah *Romper Stomper*, *American History X*, *Pariah* dan *Gangs*.

Muzik *Ska*, *Oi*, *Rocksteady*, dan *Street Rock* merupakan irama yang digemari oleh pengikut *Skinhead*.

Di negara ini kelompok *Nazi Skins* dikenali sebagai *Malay Power* yang lahir pada penghujung 1990-an. Kebanyakan pengikutnya di Malaysia terdiri daripada remaja Melayu yang berusia belasan tahun sehingga awal 20-an.



IMEJ botak *Skinhead* untuk menimbulkan kegerunan orang ramai.



BLACK Metal secara terang-terangan menolak agama.

Black Metal

Black Metal berasal dari Eropah Timur pada 1970-an. Pengikutnya menekankan konsep antiagama, anti-Kristian, antimasyarakat, antikerajaan dan sebagainya. Dalam konsep anti-Kristian mereka menekankan bahawa jika agama Kristian tidak mampu membawa kebaikan kepada pengikutnya, agama tersebut perlu ditinggalkan dan dimusuhi. Oleh sebab itu pengikut *Black Metal* memakai kalung lambang salib yang terbalik sebagai tanda penolakan terhadap agama Kristian.

Pemuzik dan pengikutnya di luar negara mengamalkan pemujaan syaitan, dadah, arak dan seks bebas. Mereka menganggap syaitan sebagai utusan Tuhan yang mampu menyampaikan permintaan dan hajat mereka.

Black Metal mempunyai pecahan muzik seperti *Death Metal*, *Dark Metal*, *Gothic Metal*, *Satanic Metal* dan *Hell Metal*. Di negara ini pengaruh *Black Metal* mula meresap masuk pada pertengahan 1980-an. Kebanyakan pengikutnya di Malaysia merupakan orang Melayu daripada pelbagai lapisan umur, daripada remaja yang berusia belasan hinggalah orang dewasa.

Gothik

Gothik muncul di Britain pada 1980-an. Kebanyakan pengikut asal aliran Gothik di Barat terdiri daripada individu yang memiliki keperibadian yang tidak normal. Mereka dikaitkan dengan individu yang menghadapi tekanan perasaan, kemurungan dan masalah psikologi. Bagi mengisi jiwa yang kosong, mereka tampil dengan etika pemakaian tersendiri untuk memperlihatkan dunia kegelapan yang alami oleh mereka.

Pengikut Gothik memakai celak dan bergincu hitam, gaya rambut yang luar biasa, bertindik, dan memakai *boundage*. Selain itu, di poket baju mereka diselitkan bunga mawar berwarna putih atau merah yang merupakan simbol kematian. Begitu juga dengan pemakaian payung, utamanya payung hitam yang juga melambangkan kematian.

Masyarakat Barat tidak memandang golongan ini sebagai kumpulan yang ganas. Lazimnya pengikut Gothik tidak terlibat dengan kekacauan atau keganasan. Mereka sebenarnya mahu tampil berbeza daripada orang di sekitarnya. Mereka tidak suka diganggu dan pada masa yang sama mereka inginkan perhatian daripada komunitinya.

Kecenderungan pengikut Gothik mempamerkan diri mereka yang dibelenggu kekecewaan membawa implikasi sosial yang negatif. Banyak dalam kalangan pengikut Gothik ini yang menghadapi penyakit skizofrenia (tekanan perasan yang melampau) hingga ada yang membunuh diri.

Muzik keras yang muncul pada pasca-*Punk* sekarang lebih menekankan konsep zaman Romantisisme, seram dan kegelapan. *Suzuhaus* merupakan kumpulan muzik pertama muncul dengan konsep ini. Antara kumpulan muzik lain yang ghairah memperjuangkan muzik Gothik *Rock* ialah *Siouxie and The Banshees*, *The Sisters of Mercy*, dan *Fields of The Nephilim*. Dalam era kerancakan pengaruh Gothik inilah pengaruhnya tersebar meluas ke seluruh dunia.

Di Malaysia, pengaruh Gothik muncul pada awal tahun 2000. Kebanyakan pengikutnya merupakan remaja Melayu berusia awal kelasan tahun. ■



IMEJ Gothik melambangkan kegelapan dan kematian.